

CNS4845

U GB 16-04 00170 BH848

BAH

Mahathir - Hudud 3 Johor Baharu (Sambungan Berita Awal)

Sementara itu di Pasir Gudang, Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat bersedia meminda Perlembagaan Persekutuan jika langkah itu diperlukan untuk membolehkan Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum hudud di negeri itu.

+Jika ada peruntukan (dalam Perlembagaan Persekutuan) yang menghalang perlaksanaan itu, kita akan pinda supaya mereka boleh menjalankan hukum hudud,+ katanya.

+Kalau perlu pinda undang-undang, kita pinda untuk membenarkannya. Pusat tidak ada niat hendak menghalang mereka. Kalau ingin laksana hukum hudud, Kerajaan Kelantan boleh dilaksanakan di Kelantan,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Titan Himont Plymers (M) Sdn Bhd.

Semasa menjawab satu soalan berkaitan, Dr Mahathir berkata, terpulanglah kepada Kerajaan Kelantan jika ia berpendapat bukan Islam juga patut dikenakan hukum hudud.

+Ia terpulang kepada mereka. Ia bukan soal saya membenarkan ia meliputi sama orang bukan Islam. Itu yang mereka mahu dan itu juga yang penduduk Kelantan mahu sebab merekalah yang mengundi Kerajaan Kelantan sekarang dan sebagai sebuah negara demokrasi, kita benarkan,+ katanya. -- Bernama.

▼16/04/20-50MST